

1001 MASALAH

ABU AL-MUKHTAR SEDIA MENJAWAB



Seorang pembaca majalah Qalam dari Kubang Bemban Pasir Mas yang tak mahu disiarkan namanya telah bertanya kepada kita beberapa pertanyaan yang antaranya berbunyi seperti berikut:

Apakah hukumnya umat Islam bersatu dengan orang-orang kafir dalam hal memerintah. Wajibkah atas tiap-tiap orang Islam menegakkan hukum di zaman ini sekiranya kita reda dengan hukum yang berjalan sekarang, apa hukumnya di sisi Islam?

Jawapannya:

Kami syorkan agar tuan menyelidiki perkara yang berhubung dengan pertanyaan tuan itu di dalam kitab suci al-Qur'ān al-Karīm yang menjadi pokok pengambilan hukum umat Islam. Di negeri kita ini telah banyak kitab-kitab tafsir yang didatangkan dari luar negeri atau dicetak di negeri ini yang menghuraikan erti kandungan kitab suci tersebut baik yang berbahasa Arab maupun yang berbahasa Melayu. Dan menyelidiki sesuatu masalah di dalam sesuatu kitab itu jika digurukan akan lebih baik lagi. Maka berhubung dengan hal tersebut, terutama untuk menjawab pertanyaan tuan, kami sajikan dalam ruangan ini pentafsiran ayat yang ada hubungannya dengan pertanyaan tuan, kami salin sepenuhnya dari kitab "Tafsir al-Qur'ān" susunan al-Ustaz Ahmad Sonhadji Mohamad penggal 4 (muka 59 hingga 64) sebagai berikut:-

Ayat 28 surah Āli-'Imrān (juzuk 3) berbunyi

"Lā ta-ya-khidhu¹ al-mu'minūna al-kāfirīna awliyā'a min dūni al-mu'minīna wa man yaf'al dhālika fa laysa mina Allāhi fī shay'in illā an tattaqū minhum tuqāh, wa yuḥadhdhirukumū Allāhu nafsahū wa ilā Allāhi al-maṣīr."

Ertinya: "Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin yang selain orang-orang mukmin (sendiri) dan siapa yang berbuat demikian, tiadalah ia daripada agama Allah sedikit jua pun, kecuali jika kamu takut kepada mereka oleh sesuatu yang ditakutkan. Allah mempertakuti kamu dengan diri-Nya, dan kepada Allah tempat kembali."

Huraiannya: Setelah Allah peringatkan Rasul-Nya dan orang mukmin agar mereka bersandar penuh kepada-Nya serta mengakui bahawa hanya ditangan-Nyalah sahaja kuasa mutlak untuk memberi atau mengambil balik kepada siapa-siapa yang dikehendaki-Nya, maka diterangkan pula pada ayat yang berikutnya bahawa orang yang menyandarkan nasibnya kepada selain daripada Allah kelirulah ia dan tertipu oleh kesombongan dirinya sendiri.

Banyak ahli sirah (sejarah) menyatakan bahawa; setengah orang yang masuk Islam terpedaya melihatkan ketinggian dan kekuatan orang-orang kafir lalu melantiknya menjadi ketua yang dimuliakannya. Hal yang demikian tidaklah ganjil kerana tabiat manusia demikian.

Ibnu 'Abbās meriwayatkan katanya: Adalah Ḥajjāj Bin 'Amru dan Ibnu Abī al-Ḥaqīq serta Qayis bin Zaid daripada orang-orang Yahudi yang bergaul bersulit-sulit dengan setengah orang-orang ansar untuk memfitnahkan mereka dalam agama. Maka tampillah tiga orang para sahabat iaitu Rifā'ah Bin Mundhir dan 'Abdullah Bin Jubayr² serta Sa'id Bin Hathīmah³ menasihati

¹ Dalam teks Qalam bertulis *lā ta-ya-khidhu* sedangkan ayat sebenarnya ialah *lā yattakhidhu*

² Dalam teks Qalam dieja sebagai Jubayr bukannya Zubayr

³ Dalam teks Qalam dieja sebagai Hathīmah bukannya Hathmah

orang-orang Ansar dengan berkata “Kamu jauhilah orang-orang itu!” Tetapi mereka enggan bahkan bersulit-sulit juga dengan mereka. Maka Allah turunkan ayat ini iaitu *lā yattakhidhu al-mu'minūna al-kāfirīna awliyā'a min dūni al-mu'minīna* yang ertinya: “Janganlah orang-orang mukmin mengambil orang-orang kafir menjadi pemimpin yang selain orang-orang mukmin sendiri).”

Jelasnya; Orang-orang mukmin ditegah melantik orang-orang kafir menjadi ketua atau pemimpin mereka disebabkan mereka itu golongan kerabatnya, atau sahabatnya, atau jirannya, atau apa sahaja yang ada kena mengena dengan persahabatan dan pergaulan, bahkan hendaklah didahulukan orang-orang yang dapat menjadi kebaikan dan maslahat agama dan umat Islam. Tetapi jika pengetahuan dan bekerjasama dengan mereka didasarkan atas maslahat orang-orang Islam tidaklah ditegah kerana Nabi (S.A.W) sendiri pernah bersetia (membuat perikatan) dengan suku kaum Khuza'ah – pada hal mereka orang yang musyrik. Begitu pula tidak ditegah percaya mempercayai dengan orang yang bukan Islam di dalam pergaulan yang baik dan urusan keduniaan.

Wa man ya'mal' dhālika fa laysa mina Allāhi fī shay'in

yang ertinya: “Dan siapa yang berbuat demikian, tiadalah ia daripada agama Allah sedikit jua pun.”

Yakni siapa yang melantik orang kafir menjadi ketuanya yang selain orang-orang mukmin sendiri yang menyebabkan kerosakan maslahat agama, tak dapatlah usahanya itu dianggap sebagai suatu kelulusan daripada agama, dia tak mesti ditaati, tak boleh dianggap menjadi pendokong agama, tali keimanan antara dia dengan Tuhannya putuslah sudah dan tergolonglah ia sebagai orang kafir, kerana pada ayat yang lain Allah berfirman *wa man yatawallahum minkum fa innahu minhum* yang

ertinya: “Barang siapa daripada kamu mempertuankan mereka, maka sesungguhnya dia daripada mereka.”

Kemudian Allah melanjutkan pula firman-Nya yang berbunyi *illā an tattaqū minhum tuqāh* yang ertinya “Kecuali jika kamu takut kepada mereka oleh sesuatu yang ditakutkan.”

Maksudnya: Mempertuankan orang kafir untuk orang mukmin, atau bersulit-sulit dengan mereka, atau meletakkan kepercayaan kepada mereka, atau bermesra-mesra dengan mereka, hukumnya adalah wajib meninggalkannya atau menjauhkannya sama sekali di dalam segala hal dan keadaan, kecuali dalam masa takut oleh sesuatu yang ditakutkan misalnya (mengikut Tafsir al-Khāzin); dilarang orang mukmin mempertuankan orang kafir atau bermesra dengan mereka atau meletakkan kepercayaan (bersulit-sulit) dengan mereka, kecuali orang kafir lebih ramai dan lebih berkuasa dengan nyata sedang orang mukmin sedikit dan berada pula di dalam kalangan mereka, maka bolehlah orang mukmin tersebut bermesra dengan mereka hanya dengan lidahnya sahaja sedang hatinya hendaklah tetap tenteram dengan keimanan untuk mempertahankan diri yang tidak sampai pula melakukan penghalalan pada darah yang haram menumpukannya atau pengambilan harta yang haram menguasainya, atau melakukan segala jenis larangan yang diharamkan oleh agama, ataupun menyingkapkan kepada orang kafir aurat (rahsia) orang mukmin.

Dan takut di sini tidak dapat diakui sebagai sesuatu ketakutan, kecuali takut dibunuh yang disertai adanya pula niat yang baik (betul P.)

Al-Maraghi telah mentafsir ayat ini yang maksudnya demikian; meninggalkan perlantikan orang kafir oleh orang-orang mukmin itu wajib pada setiap keadaan, kecuali oleh sesuatu yang menakutkan, ketika itu bolehlah berjaga-jaga

¹ Perkataan sebenarnya ialah *yaf'al*